



KENYATAAN MEDIA MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN LULUSAN LATIHAN KEPAKARAN LALUAN PARALLEL BIDANG PEMBEDAHAN KARDIOTORASIK SEBAGAI PAKAR DALAM DAFTAR PAKAR MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

Putrajaya, 27 Ogos 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia dengan sukacitanya memaklumkan bahawa Majlis Perubatan Malaysia telah mendaftarkan lima (5) orang pengamal perubatan yang memegang kelulusan "Fellowship of the Royal College of Surgeons of Edinburgh in Cardiothoracic Surgery" sebagai Pakar Perubatan di dalam Daftar Pakar selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 14C Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

Pendaftaran ini menandakan berakhirnya kemelut sebelum ini berhubung pelaksanaan Latihan Kepakaran Laluan Parallel serta pengiktirafan kelulusan antarabangsa termasuklah dalam bidang Pembedahan Kardiotorasik. Isu berkaitan pendaftaran ini berjaya diselesaikan susulan pindaan terhadap Akta Perubatan 1971 [Akta 50] pada tahun 2024, yang dijangka akan meningkatkan akses rakyat kepada rawatan pakar yang berkualiti tinggi.

Pindaan terhadap Akta 50 juga menyaksikan lebih ramai pakar yang dilatih secara khusus melalui Latihan Kepakaran Laluan Parallel akan didaftarkan, selari dengan pakar yang dilatih melalui program sarjana perubatan universiti tempatan. Ini membolehkan mereka ditempatkan di lebih banyak fasiliti kesihatan termasuklah di kawasan luar bandar bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Untuk makluman, kelima-lima Pakar Pembedahan Kardiotorasik

tersebut kini sedang berkhidmat di Hospital Pulau Pinang dan di Institut Jantung Negara.

Susulan penguatkuasaan pindaan Akta 50, beberapa tindakan telah pun mula dilaksanakan. Pada 14 Julai lalu, kerajaan telah mengumumkan pemberian elaun khas kepada semua pegawai perubatan yang menjalani Pengalaman Kerja Yang Diselia atau *Supervised Work Experience* (SWE) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 14B(1)(d). SWE adalah suatu tempoh percubaan yang wajib dilalui setiap pegawai perubatan yang telah tamat latihan kepakaran.

Elaun khas tersebut, iaitu Bayaran Insentif Pakar Pra-Warta (BIPPW), diberikan pada kadar yang sama dengan elaun yang diterima oleh Pakar yang telah pun berdaftar, bagi menghargai dan mengiktiraf peranan serta komitmen pegawai perubatan yang sedang menjalani SWE. Pelaksanaan SWE juga merupakan suatu langkah penting bagi memastikan pakar yang berkhidmat dalam sektor awam adalah berkualiti dan selamat untuk mengamal.

Beberapa usaha lain yang sedang dijalankan termasuklah memperincikan proses pendaftaran pakar khususnya yang baru pulang dari luar negara melalui proses penilaian kebolehbandingan atau *comparability evaluation*.

Pindaan Akta 50 serta usaha susulan yang dilaksanakan adalah merupakan bukti komitmen dan keprihatinan Kerajaan Madani bagi memperkukuhkan tadbir urus serta meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepakaran yang disediakan demi kepentingan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.

-Tamat-

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN

